ETERNAL CONSTRUCTION SDN BHD

lwn.

KERJAYA BALFOUR BEATTY CEMENTATION SDN BHD & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KOTA BHARU
SULAIMAN DAUD H
[SAMAN PEMULA NO: 24-270-2001]
1 OKTOBER 2003

PROSEDUR SIVIL: *Pembatalan - Saman pemula, permohonan untuk pembatalan - Kegagalan untuk meletakkan secara khusus peruntukkan undang-undang di bawah mana permohonan dibuat - Sama ada pihak lawan diprejudiskan - Pertikaian dirujukkan kepada timbangtara - Sama ada mahkamah mempunyai bidangkuasa untuk membuat perintah yang dipohon - Kausa tindakan - Sama ada didedahkan - Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 7 k. 3(1), A. 18 k. 19 - Akta Timbangtara 1952, s. 34*

Defendan pertama melalui saman dalam kamar telah memohon untuk membatalkan saman pemula plaintif di mana plaintif telah memohon untuk mendapatkan beberapa relif terhadap defendan-defendan termasuk relif berbentuk injunksi. Fakta kes menunjukkan bahawa pertikaian dalam kes ini timbul akibat satu perjanjian projek pembinaan empangan hidroelektrik ('perjanjian tersebut') di antara plaintif dengan defendan pertama. Adalah tidak dipertikaikan bahawa pertikaian tersebut telah dirujukkan kepada timbangtara menurut fasal timbangtara di bawah perjanjian tersebut dan sedang dalam proses perbicaraan.

Isu di sini adalah sama ada mahkamah mempunyai bidangkuasa untuk membuat perintah yang dipohon dalam saman pemula plaintif setelah pertikaian tersebut dirujukkan kepada timbangtara. Defendan pertama berhujah bahawa fasal 19 perjanjian tersebut memperkatakan bahawa perjalanan timbangtara akan mengikut Kaedah-Kaedah Pusat Serantau bagi Timbangtara di Kuala Lumpur. Selanjutnya, s. 34 Akta Timbangtara 1952 ('Akta') yang terpakai di bawah perjanjian tersebut, memperuntukkan bahawa Akta atau mana-mana undang-undang bertulis tidak terpakai bagi apa-apa timbangtara yang diadakan, antara lain, di bawah Kaedah-Kaedah Timbangtara Undang-Undang Perdagangan Antarabangsa 1976 dan Kaedah-Kaedah Pusat Serantau bagi Timbangtara di Kuala Lumpur ('kaedah-kaedah tersebut'). Dengan itu, mahkamah tidak ada bidangkuasa untuk memberi perintah yang dipohon. Sebaliknya, plaintif berhujah bahawa fasal 19 tersebut memperuntukkan bahawa kaedah-kaedah tersebut hendaklah terpakai bagi prosedur sahaja walaupun dikatakan masih tertakluk kepada s. 34 Akta. Seterusnya, plaintif berhujah bahawa s. 34 Akta adalah

tidak sah kerana ia merupakan suatu kontrak untuk mengenepikan bidangkuasa mahkamah. Pada hakikatnya, art. 26(3) kaedah-kaedah tersebut telah pun menetapkan bahawa permohonan untuk langkah-langkah interim oleh mana-mana pihak kepada autoriti kehakiman tidak boleh dianggap sebagai tidak sesuai dengan perjanjian untuk menimbangtara atau sebagai suatu pelepasan perjanjian tersebut.

Sebelum kes diteruskan untuk perbicaraan, plaintif membangkitkan satu bantahan awal bahawa permohonan ini adalah tidak teratur dan tidak sah kerana tidak menyatakan secara khusus peruntukan undang-undang di bawah mana permohonan dibuat. Plaintif berhujah bahawa dengan tiadanya rujukan sedemikian terdapat kekeliruan sama ada keterangan afidavit boleh digunakan memandangkan bagi permohonan di bawah A. 18 k. 19(a) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') tiada keterangan afidavit boleh digunakan.

Diputuskan (membenarkan permohonan defendan untuk pembatalan saman pemula plaintif):

[1] Bantahan awal plaintif melibatkan isu undang-undang yang hanya menyentuh suatu ketidakpatuhan yang berbentuk teknikal iaitu ketinggalan untuk menyebut secara khusus Aturan di bawah mana permohonan defendan pertama dibuat. Namun, ketinggalan sedemikian adalah ketidakpatuhan yang boleh diperbaiki dengan kos tanpa memerlukan apa-apa pindaan di bawah A. 2 kk. (1) dan (2) KMT. Tidak timbul apa-apa kekeliruan tentang relif yang dipohon dan alasan-alasan atas mana relif tersebut diasaskan. Adalah jelas daripada ayat yang digunakan bahawa permohonan ini dibuat berdasarkan keempat-empat alasan dalam para (a) hingga (d) k. 19 A. 18 KMT. Afidavit jawapan plaintif juga menunjukkan bahawa tiada timbul apa-apa kekeliruan di pihaknya tentang tujuan permohonan defendan pertama. Oleh itu bantahan awal plaintif ditolak tetapi kos diberikan kepada plaintif. (ms 636 f-h & 637 a)

[2] Soalan pertama yang perlu diputuskan ialah sama ada timbangtara yang dimaksudkan di bawah perjanjian tersebut tertakluk kepada kaedah-kaedah tersebut untuk menjadikannya tertakluk kepada s. 34 Akta. Fasal 19 perjanjian tersebut telah diubahsuai melalui "Terms of Reference and Arbitrator's Direction No 1" ('terma rujukan tersebut') yang mengatakan dengan nyata bahawa kaedah-kaedah tersebut hendaklah terpakai bagi prosedur sahaja tetapi bagaimanapun masih tertakluk kepada s. 34 Akta. Tujuan sebenar terma-terma tersebut bukan untuk mengeluarkan perjalanan timbangtara itu daripada kaedah-kaedah tersebut tetapi hanya bagi mengecualikan timbangtara tersebut daripada didaftarkan dengan badan berkenaan di bawah kaedah-kaedah tersebut dan juga daripada mengikut

fee yang ditetapkan di bawah kaedah-kaedah tersebut, sepertimana yang dinyatakannya. Hasrat asal pihak-pihak untuk mengadakan timbangtara tersebut mengikut kaedah-kaedah tersebut tidak diubahkan. Bagi s. 34 Akta untuk berkuatkuasa adalah memadai bagi timbangtara itu untuk mengikut prosedur yang ditetapkan di bawah kaedah-kaedah tersebut tanpa memerlukannya didaftarkan dengan badan berkenaan. (ms 639 d-h & 640 a)

[3] Kaedah-kaedah tersebut memperuntukkan prosedur yang lengkap dan kemaskini bagi perjalanan sesuatu timbangtara. Artikel 26(1) kaedah-kaedah tersebut jelas memberi kuasa kepada penimbangtara untuk mengambil apa-apa langkah interim yang difikirkannya perlu bagi melindungi hal perkara yang dipertikaikan. Oleh itu pihak-pihak bolehlah memohon perintah perlindungan sedemikian menurut kuasa di bawah art. 26 tersebut. (ms 640 b)

[4] Pihak-pihak juga terikat di bawah terma-terma tersebut yang menyatakan bahawa peruntukan s. 34 Akta terpakai. Ia mengelakkan sebarang keraguan tentang hasrat pihak-pihak untuk tertakluk kepada kaedah-kaedah tersebut dan seterusnya melucutkan mahkamah daripada menjalankan apa-apa bidangkuasa termasuk untuk memberikan perintah perlindungan yang dipohon melalui saman pemula plaintif yang hendak dibatalkan ini. Walaupun mahkamah boleh membuat perintah perlindungan sementara di bawah art. 26(3) kaedah-kaedah tersebut, peruntukan tersebut tidak boleh mengatasi peruntukan nyata s. 34 Akta. (ms 640 d-f)

[5] Seksyen 34 Akta tidak menghalang kuatkuasa "common law" ke atas prosiding timbangtara tersebut. Plaintif membuat permohonan dalam saman pemula berdasarkan kepada kuasa-kuasa mahkamah di bawah ss. 50 dan 51 Akta Relif Spesifik dan s. 25(2) dan para 6 jadual kepada Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Oleh itu, tidak ada apa-apa petunjuk untuk menyokong hujah bahawa permohonan ini berasaskan "common law". (ms 640 g & 641 a)

[6] Saman pemula plaintif hanya merujuk kepada relif yang dipohon tanpa mendedahkan kausa tindakan yang berkenaan. Tindakan sebenar tidak dimulakan di bawah bidangkuasa mahkamah ini tetapi telah dimulakan dalam prosiding timbangtara. Tidak ada apa-apa relif substantif yang dipohon oleh plaintif terhadap defendan-defendan di bawah saman pemula tersebut. Dengan tiadanya relif yang dipohon sedemikian, maka mahkamah ini tidak mempunyai bidangkuasa untuk memberikan hanya relif interlokutori yang dipohon walaupun tidak dihalang oleh s. 34 Akta. (ms 641 c-g & 642 a-e)

Kes-kes yang dirujuk:

Klockner Industries – Analgen GmbH v. Kien Tat Sdn Bhd & Anor [1990] 3 MLJ 183 ***(dirujuk)***

Malaysia Building Society Bhd v. Univein Sdn Bhd [2002] 2 CLJ 81 HC ***(dirujuk)***

Sambu (M) Sdn Bhd v. Stone World Sdn Bhd & Anor [1997] 1 CLJ 775 HC ***(dirujuk)***

Sarawak Shell Bhd v. PPES Oil & Gas Sdn Bhd & Ors [1998] 3 CLJ 275 CA ***(dirujuk)***

Siskina v. Distos Compania Naviera SA [1979] AC 210 ***(dirujuk)***

Soilchem Sdn Bhd v. Standard-Elektrik Lorenz AG [1993] 3 MLJ 68 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Arbitration Act 1952, s. 34

Courts of Judicature Act 1964, s. 25(2)

Rules of the High Court 1980, O. 2 rr. (1), (2), O. 7 r. 3(1), O. 18 r. 19(a)

Specific Relief Act 1950, ss. 50, 51

Bagi pihak plaintif - CE Chuah; T/n Syarikat Ng & Anuar

Bagi pihak defendan pertama - Varghese George (Cik Shamila); T/n Zain & Co

Dilaporkan oleh Usha Thiagarajah

PENGHAKIMAN

Sulaiman Daud H:

Melalui saman dalam kamar ini (kandungan 15) defendan pertama telah memohon untuk mendapatkan suatu perintah membatalkan saman pemula plaintif bertarikh 4 Oktober 2001 (kandungan 2).

Kandungan 2 tersebut telah difailkan pada 4 Oktober 2001 di mana plaintif telah memohon untuk mendapatkan beberapa relif terhadap defendan-defendan, termasuklah relif berbentuk injunksi yang berikut, iaitu:

(a) suatu injunksi bagi menghalang defendan pertama daripada membelanja atau mengalihkan bayaran yang diterimanya daripada defendan kedua berkenaan dengan Projek Empangan Hidroelektrik Pergau kecuali bagi amaun yang telah melebih RM20.6 juta;

(b) suatu injunksi menghalang defendan pertama daripada menerima bayaran berkenaan projek tersebut kecuali bagi amaun yang telah melebih RM20.6 juta sehingga timbangtara antara plaintif dan defendan pertama telah dibicarakan dan diputuskan atau selainnya diputuskan oleh mahkamah;

(c) secara alternatif kepada (a) dan (b) di atas, bayaran defendan kedua kepada defendan pertama berkenaan dengan projek tersebut sebanyak RM20.6 juta hendaklah didepositkan dalam mahkamah.

Daripada tajuk saman pemula tersebut, ternyata bahawa permohonan ini dibuat di bawah s. 50 dan 51 Akta Relif Spesifik 1950, dan di bawah s. 25(2) dan para 6 Jadual kepada Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

Fakta kes setakat yang relevan dengan permohonan dalam kandungan 15 sebagaimana yang terdapat dalam afidavit pihak-pihak adalah seperti berikut. Defendan pertama telah memasuki suatu perjanjian dengan defendan kedua ("perjanjian utama") berkaitan dengan suatu projek yang dinamakan "Pergau Hydroelectric Dam Project" ("projek tersebut"). Berikutannya defendan pertama telah mengadakan suatu perjanjian subkontrak dengan plaintif bagi pelaksanaan kerja-kerja tertentu di projek tersebut ("perjanjian subkontrak").

Sebelum kerja-kerja di bawah perjanjian subkontrak itu disempurnakan sepenuhnya, pertikaian timbul antara plaintif dengan defendan pertama di bawah perjanjian tersebut. Pertikaian tersebut telah dirujukkan oleh kedua-dua pihak kepada timbangtara menurut fasal 19 perjanjian subkontrak tersebut, yang berbunyi seperti berikut:

> 19. (1) If any dispute arises between the Contractor and the Subcontractor in connection with or arising out of this Subcontract, it shall, subject to the provisions of this clause, be referred to the arbitration and final decision of a person agreed between the parties, (or failing such agreement within 28 days of a written request sent by either party to the other nominating an arbitrator), appointed upon the application of either of the parties by the President for the time being of the Institution of Engineers Malaysia. The place of the arbitration shall be Kuala Lumpur and the language of the arbitral proceedings shall be English. Such arbitration shall be in accordance with the Rules for Arbitration of the Kuala Lumpur Regional Arbitration Centre.

Adalah tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak bahawa prosiding timbangtara tersebut sedang dalam proses perbicaraan.

Dalam penghujahan bertulisnya peguam terpelajar defendan telah mengasaskan permohonan ini kepada tiga isu utama, iaitu pertamanya saman pemula berkenaan tidak mendedahkan suatu kuasa tindakan yang jelas mengenai perintah yang dipohon; keduanya perintah yang dipohon adalah di luar bidangkuasa kehakiman atau adalah perkara yang dikeluarkan dari penimbangan mahkamah (non-justiciable matters); dan ketiganya saman pemula ini tidak dimulakan melalui proses yang betul.

Bantahan Awal Plaintif

Dalam penghujahan bertulisnya peguam terpelajar plaintif telah membangkitkan suatu bantahan awal mengenai keteraturan permohonan dalam kandungan 15 ini. Peguam terpelajar tersebut menghujahkan bahawa saman dalam kamar ini adalah tidak teratur dan tidak sah kerana tidak menyatakan secara khusus peruntukan undang-undang di bawah mana permohonan untuk membatalkan saman pemula tersebut dibuat. Menurut peguam tersebut dengan tiadanya rujukan sedemikian terdapat kekeliruan sama ada keterangan afidavit boleh digunakan memandangkan bagi permohonan di bawah A. 18 k. 19(a) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ("KKMT 1980") tiada keterangan afidavit boleh digunakan (kes *Sambu (M) Sdn. Bhd. v. Stone World Sdn. Bhd. & Anor* [1997] 1 CLJ 775 dirujukkan).

Peguam terpelajar defendan pertama telah membantah pengemukaan bantahan tersebut kerana tiada notis diberikan bagi maksud itu dan ia hanya dibangkitkan pada peringkat penghujahan. Dalam hal ini beliau telah merujuk kepada kes *Malaysia Building Society Berhad v. Univein Sdn Bhd* [2002] 2 CLJ 81 di mana mahkamah telah menolak bantahan awal yang dibangkitkan oleh peguam defendan atas kegagalannya memberi notis untuk membangkitkan bantahan awal berkenaan atau membangkitkannya dalam keenam-enam afidavit yang telah difailkan bagi menentang permohonan di hadapan mahkamah itu.

Pada pendapat saya sama ada sesuatu bantahan awal itu hendak ditolak atau sebaliknya atas sebab kegagalan memberi notis bergantung kepada jenis bantahan yang hendak dikemukakan dan sama ada kegagalan berbuat demikian menyebabkan kejutan atau kekeliruan kepada pihak lawan hinggakan dia tidak dapat menyangkal bantahan itu. Adalah ternyata bahawa bantahan awal yang dibangkitkan oleh plaintif sekarang ini melibatkan suatu isu undang-undang yang pada pendapat saya hanya menyentuh suatu ketidakpatuhan yang berbentuk teknikal, iaitu suatu ketinggalan untuk menyebut secara khusus aturan di bawah mana permohonan untuk membatalkan saman pemula tersebut di buat.

Bagaimanapun saya berpendapat ketinggalan sedemikian adalah suatu ketidakpatuhan yang boleh diperbaiki dengan kos tanpa memerlukan apa-apa pindaan di bawah A. 2 kk. (1) dan (2) KKMT 1980. Walaupun terdapat ketinggalan untuk menyatakan secara spesifik aturan di bawah mana permohonan ini dibuat tetapi saya dapati tidak timbul apa-apa kekeliruan tentang relif yang dipohon dan alasan-alasan atas mana relif tersebut diasaskan. Adalah jelas daripada ayat yang digunakan bahawa permohonan ini dibuat berdasarkan keempat-empat alasan dalam para (a) hingga (d) k. 19 A. 18 KKMT 1980. Afidavit jawapan plaintif juga jelas menunjukkan bahawa tidak timbul apa-apa kekeliruan di pihaknya tentang tujuan permohonan dalam kandungan 15 ini.

Oleh itu saya menolak bantahan awal plaintif tetapi bagaimanapun saya memberikan kos bantahan awal ini kepada plaintif atas ketidakpatuhan sedemikian oleh defendan pertama.

Seterusnya saya akan menimbangkan alasan-alasan yang dibangkitkan bagi membatalkan saman pemula dalam perkara ini. Satu daripada isu utama yang pada pendapat saya perlu diputuskan terdahulu ialah sama ada mahkamah ini mempunyai bidangkuasa untuk membuat perintah yang dipohon dalam saman pemula berkenaan setelah pihak-pihak merujukkan pertikaian mereka kepada timbangtara menurut suatu fasal timbangtara di bawah perjanjian subkontrak yang telah mereka tandatangani.

En. Varghese George menegaskan bahawa mahkamah ini tidak mempunyai bidangkuasa untuk berbuat demikian. Peguam terpelajar itu telah menarik perhatian mahkamah kepada ayat terakhir dalam fasal 19 perjanjian subkontrak tersebut yang memperkatakan bahawa 'Such arbitration shall be in accordance with the Rules for Arbitration of the Kuala Lumpur Regional Arbitration Centre.' (penekanan oleh saya).

Selanjutnya beliau telah merujuk kepada s. 34 Akta Timbangtara 1952 ("Akta") yang memperuntukkan bahawa peruntukan Akta atau mana-mana undang-undang bertulis lain tidak terpakai bagi apa-apa timbangtara yang diadakan, antara lain, di bawah Kaedah-Kaedah Timbangtara Undang-Undang Perdagangan Antarabangsa 1976 dan Kaedah-Kaedah Pusat Serantau bagi Timbangtara di Kuala Lumpur ("Kaedah-Kaedah UNCITRAL dan KLRCA")

Bagi menyokong hujahnya En Varghese George selanjutnya merujuk kepada Buku Panduan yang dikeluarkan oleh Regional Centre for Arbitration di Kuala Lumpur di bawah kepala "Rules for Arbitration" dan "Amendment to the Malaysian Arbitration Act 1952 – s. 34" di ms 3 dan 4 yang berbunyi:

> Rules for Arbitration
>
> The Rules for arbitration under the auspices of the Centre are the UNCITRAL Arbitration Rules of 1976 with certain modifications and adaptations ...
>
> Amendment to the Malaysian Arbitration Act 1952 – section 34
>
> This section provides that any arbitration conducted under the Rules of the Centre is excluded from the supervision of the Malaysian Court which will not intervene in such arbitration.

Selanjutnya peguam terpelajar tersebut telah merujuk kepada suatu keputusan Mahkamah Rayuan dalam *Sarawak Shell Bhd v. PPES Oil & Gas Sdn Bhd & Ors* [1998] 3 CLJ 275 di mana isu utama yang perlu diputuskan oleh mahkamah ialah sama ada s. 34 Akta melucutkan mahkamah daripada menjalankan bidangkuasanya di bawah s. 25(2) Akta. Dalam menyampaikan keputusan mahkamah itu Yang Arif Mahadev Shankar JCA berkata:

> ... Taking the plain meaning of the words, we are in complete agreement with the trial judge that the effect of this section was to exclude altogether not just s. 25(2) but the entire Act and all other written law from arbitration held under the Rules.

Peguam terpelajar tersebut juga merujuk kepada dua keputusan Mahkamah Tinggi, iaitu *Soilchem Sdn Bhd v. Standard-Elektrik Lorenz AG* [1993] 3 MLJ 68, dan *Klockner Industries – Analgen GmbH v. Kien Tat Sdn Bhd & Anor* [1990] 3 MLJ 183 yang juga telah memutuskan bahawa s. 34 Akta mempunyai kesan untuk mengeluarkan bidangkuasa mahkamah ke atas timbangtara yang diadakan mengikut Kaedah-Kaedah UNCITRAL dan KLRCA.

En Chuah Chong Ewe, peguam terpelajar plaintif pula telah menarik perhatian mahkamah kepada "Terms of Reference and Arbitrator's Direction No. 1" sebagaimana terkandung dalam eks. "JM1" kepada afidavit defendan pertama (kandungan 14), di mana dinyatakan, dalam para 2, seperti berikut:

> Item 1.10 Applicable Rules
>
> The Kuala Lumpur Regional Centre for Arbitration's (KLRCA) "Arbitration Rules" (Revised 1 January 1998) shall apply but to procedure only. However the provisions of section 34 of the Arbitration Act 1952 (Act 93) shall apply. The matter will not be registered with KLRCA and the fees payable will not follow the KLRCA's RULES.

Peguam terpelajar tersebut menghujahkan bahawa terma rujukan yang tersebut di atas memperuntukkan secara spesifik bahawa timbangtara di antara plaintif dan defendan pertama tidak dijalankan di bawah Kaedah-Kaedah UNCITRAL dan KLRCA atau di bawah mana-mana kaedah timbangtara lain yang disebut di bawah s. 34 tersebut. Beliau selanjutnya menghujahkan walaupun terma rujukan tersebut memperuntukkan dengan nyata bahawa s. 34 Akta terpakai tetapi menurutnya peruntukan sedemikian adalah tidak sah kerana ia merupakan suatu kontrak untuk mengenepikan bidangkuasa mahkamah. Bagi memperkuatkan hujahnya peguam terpelajar itu seterusnya merujuk kepada art. 26(3) Kaedah-Kaedah UNCITRAL yang berbunyi:

> A request for interim measures address by any party to a judicial authority shall not be deemed incompatible with the agreement to arbitrate, or as a waiver of that agreement.

Mengenai kesan art. 26(3) tersebut, peguam terpelajar itu juga merujuk kepada pandangan yang diberikan oleh Yang Arif Zakaria Yatim J (beliau pada masa itu) dalam *Klockner Industries – Analgen GmbH v. Kien Tat Sdn Bhd & Anor* di mana di ms 185 yang arif berkata:

> What para 3 of art 26 means is that a party to an arbital proceedings, may if he so desires, apply to the appropriate judicial authority, to make interim protective measures in order to protect the subject matter of the dispute.

Menurut peguam terpelajar tersebut pandangan oleh yang arif hakim tersebut jelas menunjukkan bahawa mahkamah mempunyai bidangkuasa untuk membuat perintah perlindungan interim sebagaimana yang dipohon. Selanjutnya beliau menghujahkan bahawa s. 34 tersebut hanya mengecualikan bidangkuasa mahkamah untuk menjalankan kuasa-kuasa di bawah Akta dan undang-undang bertulis lain sahaja tetapi tidak menyentuh kuasa mahkamah berdasarkan "common law" di bawah mana permohonan ini dibuat.

Dalam hal ini pada pendapat saya soal pertama yang perlu dijawab ialah sama ada timbangtara yang dimaksudkan di bawah perjanjian subkontrak tersebut adalah tertakluk kepada UNCITRAL Rules untuk menjadikannya tertakluk kepada s. 34 Akta. Bagi memutuskan isu ini mahkamah perlu terlebih dahulu meneliti peruntukan mengenai timbangtara yang terkandung dalam fasal 19(1) perjanjian subkontrak ("fasal timbangtara") yang menyatakan:

> ... The place of arbitration shall be Kuala Lumpur and the language of arbitral proceedings shall be in English. Such arbitration shall be in accordance with the Rules of Arbitration of the Kuala Lumpur Regional Arbitration Centre.

Sebagaimana yang telah dinyatakan fasal timbangtara tersebut telah diubahsuai melalui "Terms of Reference and Arbitrator's Direction No. 1" yang dirujuk terdahulu dimana telah disebutkan dengan nyata bahawa Kaedah-Kaedah KLRCA hendaklah terpakai bagi prosedur sahaja tetapi bagaimanapun masih tertakluk kepada pemakaian s. 34 Akta.

Pada pendapat saya tujuan sebenar "Terms of Reference and Arbitrator's Direction No. 1" tersebut bukanlah untuk mengeluarkan perjalanan timbangtara itu daripada Kaedah-Kaedah UNCITRAL dan KLRCA tetapi hanya bagi mengecualikan timbangtara tersebut daripada didaftarkan dengan KLRCA dan juga daripada mengikut fee yang ditetapkan di bawah Kaedah-Kaedah tersebut. Saya bersetuju dengan peguam terpelajar defendan pertama bahawa ubahsuaian-ubahsuaian sedemikian tidak mengubah hasrat asal pihak-pihak untuk mengadakan timbangtara tersebut di bawah Kaedah-Kaedah UNCITRAL dan KLRCA. Ternyata pada saya bahawa bagi s. 34 Akta berkuatkuasa adalah memadai bagi timbangtara itu diadakan mengikut prosedur yang ditetapkan di

bawah Kaedah-Kaedah tersebut tanpa memerlukannya didaftarkan dengan KLRCA. Tidak ada apa-apa keperluan bagi timbangtara tersebut didaftarkan sedemikian. Dengan lain-lain perkataan s. 34 tersebut hanya merujuk kepada kaedah-kaedah yang terpakai bagi perjalanan prosiding timbangtara berkenaan dan tidak kepada badan yang menjalankan timbangtara itu.

Jika diperhatikan Kaedah-Kaedah UNCITRAL dan KLRCA tersebut memperuntukkan prosedur yang lengkap dan kemaskini bagi perjalanan sesuatu timbangtara. Misalnya art. 26(1) Kaedah-Kaedah UNCITRAL tersebut jelas memberi kuasa kepada penimbangtara untuk mengambil apa-apa langkah interim yang difikirkannya perlu bagi melindungi hal perkara yang dipertikaikan. Oleh itu pihak-pihak bolehlah memohon perintah perlindungan sedemikian menurut kuasa di bawah art. 26 tersebut.

Selain daripada itu pihak-pihak juga terikat di bawah "Terms of Reference and Arbitrator's Direction" tersebut yang menyatakan bahawa "... the provisions of s. 34 of the Arbitration Act 1952 shall apply ...". Saya juga berpendapat bahawa tidak ada merit dalam hujah peguam plaintif bahawa persetujuan untuk menerimapakai s. 34 tersebut sebagai tidak sah kerana cuba berkontrak bagi membatalkan bidangkuasa mahkamah. Pada pandangan saya persetujuan tersebut bertujuan untuk mengelakkan sebarang keraguan tentang hasrat pihak-pihak untuk tertakluk kepada Kaedah-Kaedah UNCITRAL dan KLRCA, dan seterusnya melucutkan mahkamah daripada menjalankan apa-apa bidangkuasa termasuk untuk memberikan perintah perlindungan yang dipohon melalui saman pemula yang hendak dibatalkan ini.

Mengenai hujah bahawa mahkamah boleh membuat perintah perlindungan sementara di bawah art. 26(3) Kaedah-Kaedah UNCITRAL dan KLRCA, adalah mencukupi bagi saya mengatakan bahawa peruntukan tersebut tidak boleh mengatasi peruntukan nyata di bawah s. 34 tersebut. Saya juga berpendapat bahawa artikel tersebut tidak boleh ditafsirkan sebagai memberi kuasa kepada mahkamah untuk membuat perintah sebagaimana dipohon sekarang ini atas alasan yang dinyatakan tadi.

Setelah memutuskan bahawa s. 34 Akta terpakai, soal selanjutnya ialah sama ada seksyen itu menghalang kuatkuasa "common law" ke atas prosiding timbangtara tersebut. Peguam terpelajar plaintif menyatakan bahawa tiada halangan sedemikian. Menurut beliau relif yang dipohon adalah suatu Mareva injunction bagi menghalang defendan pertama daripada mengalihkan bayaran yang diterimanya daripada defendan kedua. Bagaimanapun setelah meneliti tajuk saman pemula plaintif dalam kandungan 2, saya dapati bahawa plaintif membuat permohonan ini berdasarkan kepada kuasa-kuasa mahkamah di bawah s. 50 dan

51 Akta Relif Spesifik dan s. 25(2) dan para 6 Jadual kepada Akta Mahkamah Kehakiman. Oleh yang demikian tidak ada apa-apa petunjuk untuk menyokong hujah bahawa permohonan ini dibuat berasaskan 'common law'.

Sebagai kesimpulannya saya bersetuju dengan peguam terpelajar defendan pertama bahawa mahkamah ini tidak boleh menimbangkan relif berbentuk perlindungan interim sebagaimana yang dipohon melalui kuatkuasa s. 34 Akta. Dengan yang demikian permohonan dalam kandungan 2 tersebut adalah suatu penyalahgunaan proses mahkamah dan boleh dibatalkan atas alasan ini sahaja.

Dalam pada itu saya juga berpendapat isu mengenai kuasa tindakan yang dibangkitkan oleh peguam terpelajar defendan pertama juga menunjukkan merit yang sepatutnya diberikan perhatian. Beliau menghujahkan bahawa saman pemula sekarang ini hanya merujuk kepada relif yang dipohon tanpa mendedahkan kausa tindakan yang berkenaan dengannya plaintif menuntut relif tersebut. Ini jelas beliau ternyata tidak mematuhi peruntukan A. 7 k. 3(1) KKMT 1980 yang menghendaki supaya diberikan butir-butir yang cukup untuk mengenalpasti kausa-kausa tindakan yang berkenaan dengannya plaintif menuntut remedi itu.

Beliau selanjutnya merujuk kepada suatu keputusan House of Lords dalam kes *Siskina v. Distos Compania Naviera S.A.* [1979] AC 210 di mana Lord Diplock, dalam mentafsirkan s. 45(1) of the Supreme Court of Judicature (Consolidation) Act 1925 UK' mengenai kuasa mahkamah untuk memberikan perintah mandamus atau injunksi, berkata di ms 254:

> That subsection, speaking as it does of interlocutory orders, presupposes the existence of an action, actual or potential, claiming substantive relief which the High Court has jurisdiction to grant and to which the interlocutory orders referred to are but ancillary. This factors has been present in all previous cases in which Mareva injunctions have been granted ...

Berbalik kepada saman pemula sekarang ini, apakah kausa tindakan plaintif atau remedi yang dipohonnya terhadap defendan pertama untuk mewajarkan pemberian Mareva injunction tersebut. Ternyata pada saya selain daripada perintah interim yang dipohon ini tiada apa-apa relif substantif yang dipohon oleh plaintif dalam saman pemula tersebut.

Selanjutnya Lord Diplock dalam kes yang sama berkata di ms 256:

> ... A right to obtain an interlocutory injunction is not a cause of action. It cannot stand on its own. It is dependent upon there being a pre-existing cause of action against the defendant arising out of an invasion, actual or threatened by him, of a legal or equitable right of the plaintiff for the enforcement of which the defendant is amenable to the jurisdiction of the court. The right to obtain an interlocutory injunction is merely ancillary and incidental to the pre-existing cause of action. It is granted to preserve the *status quo* pending the ascertainment by the court of the rights of the parties and the grant to the plaintiff of the relief to which his cause of action entitles him, which may or may not include a final injunction.

Dalam kes tersebut di atas Kerr J di peringkat Mahkamah Tinggi telah berkata di ms 222:

> ... the court has no power to issue an interlocutory injunction when it has no power to give any remedy whatsoever.

Berpandukan kepada pemerhatian yang dinyatakan di atas ternyata pada saya bahawa mahkamah ini juga tidak boleh memberikan relif berbentuk injunksi yang dipohon demikian kerana tindakan sebenar tidak dimulakan di bawah bidangkuasa mahkamah ini tetapi telah dimulakan dalam prosiding timbangtara. Tidak ada apa-apa relif substantif yang dipohon oleh plaintif terhadap defendan di bawah saman pemula berkenaan. Dengan tiadanya relif yang dipohon sedemikian, maka mahkamah ini tidak mempunyai apa-apa bidangkuasa untuk memberikan hanya relif interlokutori yang dipohon ini walaupun ia tidak dihalang oleh s. 34 Akta.

Oleh yang demikian saya benarkan perintah yang dipohon dalam prayer 1 saman dalam kamar ini. Mengenai kos, bagi bantahan awal saya awardkan kos kepada plaintif, dan kos bagi permohonan ini pula diawardkan kepada defendan pertama.